

**[USE OF CLOSED-CIRCUIT TELEVISION (CCTV) AND REWARD METHODS IN
THE ENFORCEMENT OF ALCOHOL SALE CONTROL IN CONVENIENCE
STORES]**

**PENGGUNAAN CCTV DAN KAEDAH GANJARAN DALAM PENGUATKUASAAN
KAWALAN PENJUALAN ARAK DI KEDAI SERBANEKA**

PUTERI BALQIS BINTI AMIRUDIN¹
ZUL-KIFLI BIN HUSSIN²

¹²Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
Email: asputeribalqis1702@gmail.com

Received: 2nd March 2025

Accepted: 30th May 2025

Published: 1st June 2025

ABSTRACT

No religion permits the consumption of alcohol, especially Islam. Nevertheless, the sale of alcohol continues to occur, both openly and discreetly. The main objective of this study is to examine the existing enforcement approaches, analyze the role of local authorities (PBT), and propose alternative methods such as the use of closed-circuit television (CCTV) and a reward-based system to enhance monitoring effectiveness. This study adopts a qualitative approach through data analysis of selected academic journals and legal documents. The findings reveal that monitoring of alcohol sales by local authorities remains weak despite licensing requirements. Enforcement actions are more focused on other aspects such as hygiene and premises arrangement. Interviews indicate that operators do attempt to comply with regulations; however, the lack of regular monitoring has allowed non-compliance with guidelines. The study proposes to the local authorities the use of CCTV in alcohol display areas within convenience stores to overcome manpower limitations. The proposal also includes stricter regulations such as the separation of premises, dedicated counters managed by non-Muslim staff, operating hour restrictions, and tighter control over sales. The public is also encouraged to participate actively through proper complaint channels supported with evidence, with suitable rewards given for valid reports to support local authority enforcement. The open sale of alcohol in convenience stores poses a significant challenge to the harmony of a multi-ethnic and multi-religious society. This issue requires firm action from the authorities, and greater awareness and responsibility from both business owners and the community to ensure social well-being and more effective enforcement.

Keywords: Alcohol, Closed-circuit Television (CCTV), Law Enforcement, Local Authorities (PBT), Reward.

ABSTRAK

Tiada mana-mana agama yang membenarkan minum arak, lebih-lebih lagi agama Islam. Walau bagaimanapun, penjualan arak masih berlaku baik secara terbuka mahupun tertutup. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti pendekatan penguatkuasaan sedia ada, menganalisis peranan PBT serta mencadangkan kaedah alternatif iaitu penggunaan *closed-circuit television (CCTV)* atau dipanggil kamera litar tertutup dan kaedah ganjaran dalam meningkatkan keberkesanan pengawasan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis data terhadap jurnal-jurnal akademik dan dokumen perundangan yang terpilih. Kajian ini mendapati bahawa pemantauan penjualan arak oleh PBT masih longgar walaupun telah diberi lesen. Tindakan penguatkuasaan lebih tertumpu kepada aspek lain seperti kebersihan dan susun atur premis. Temu bual menunjukkan pengusaha ada usaha mematuhi peraturan, namun kekurangan pemantauan berkala telah memberi ruang kepada ketidakpatuhan garis panduan.

Telah dicadangkan kepada pihak PBT iaitu penggunaan *CCTV* di kawasan arak di kedai serbaneka, bagi mengatasi kekangan tenaga kerja oleh pihak PBT. Cadangan ini turut merangkumi penguatkuasaan peraturan lebih ketat seperti pengasingan premis, kaunter khas yang dikendalikan individu bukan Muslim, had operasi dan kawalan penjualan. Masyarakat juga disarankan untuk terlibat secara aktif dengan saluran aduan yang disertai bukti, serta ganjaran bagi aduan sah untuk menyokong tindakan penguatkuasaan PBT. Isu penjualan arak secara terbuka di kedai serbaneka menimbulkan cabaran besar terhadap keharmonian masyarakat majmuk. Ia memerlukan tindakan tegas daripada pihak berkuasa, serta pemilik premis dan masyarakat perlu lebih peka dan cakna bagi memastikan kesejahteraan sosial serta penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Kata kunci: Arak, Ganjaran, Kamera Litar Tertutup (*CCTV*), Lesen, Penguatkuasaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

PENDAHULUAN

Penjualan arak di kedai serbaneka perlu dilihat sebagai satu isu yang sensitif, terutamanya di kawasan yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Islam. Sensitiviti ini berasaskan kepada tuntutan agama dan nilai budaya masyarakat setempat yang menolak sebarang bentuk penjualan minuman keras di tempat awam. Walau bagaimanapun, timbul kebimbangan apabila masih terdapat kedai serbaneka yang tidak mematuhi garis panduan serta peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mengawal penjualan minuman keras. Salah satu faktor utama yang dikenal pasti dalam isu ini adalah terdapat kelonggaran dalam peraturan sedia ada, yang telah memberi ruang kepada pihak premis untuk beroperasi tanpa kawalan ketat. Di samping itu, pelaksanaan penguatkuasaan oleh pihak PBT juga dilihat lemah, antaranya disebabkan pemeriksaan yang tidak dijalankan secara berkala dan kurangnya tindakan susulan terhadap premis yang melanggar peraturan.

Tidak seorang pun menafikan bahayanya alkohol yang boleh membawa kepada penyakit serius. Alkohol juga mengambil alih minda sehingga menyebabkan pengguna kehilangan kawalan terhadap diri mereka. Kesan alkohol terhadap tubuh bermula sejak hirupan pertama. Walaupun hanya segelas wain, kesan pengambilannya boleh menjejaskan fungsi tubuh. Arak bukanlah minuman biasa. Penyalahgunaan alkohol membawa seseorang ke arah keadaan yang berisiko, termasuk peningkatan risiko terhadap penyakit serius. Ini kerana alkohol turut mempengaruhi minda. Pengguna kronik dan penagih tidak lagi mampu mengawal refleks, dorongan dan keupayaan kognitif mereka, sehingga menyebabkan peningkatan insiden berunsurkan keganasan (Farah Aziz, 2018). Oleh kerana itu, Islam mengharamkan pengambilan minuman yang memabukkan kerana jelas bahawa perbuatan ini boleh mendatangkan kemudaratatan terhadap diri sendiri serta memberi kesan negatif terhadap orang lain. Walaupun dalam agama lain tiada larangan khusus terhadap pengambilan arak, ini tidak bermakna seseorang itu bebas untuk minum tanpa batasan, kerana hal ini tetap boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan masyarakat secara umum. Agama samawiy sepakat bahawa syurb al-khamr atau minum khamar sama ada sedikit atau banyak, mabuk ataupun tidak adalah haram menurut ajaran Islam. Bahkan di dalam kitab-kitab Samawiy yang lain, khamar turut diharamkan (Muhammad Madi Abu Ghara'im, 1992; Zul-kifli Hussin, 2013)

Kata alkohol diambil daripada kalimah bahasa arab iaitu *al-kuhul* yang bermaksud cecair yang tidak berwarna, mempunyai bau khas dan dihasilkan daripada penapaian gula dan kanji. Ia juga termasuk dalam kumpulan bahan yang beralkohol (مجمع اللغة العربية, 2004). Alkohol juga merupakan cecair yang mudah terbakar dan memabukkan (Saranya A/P Ganesan & Rohaida Nordin, 2024). Penjualan minuman haram ini merujuk kepada aktiviti yang melibatkan jualan minuman yang diharamkan dalam Islam seperti arak atau minuman

beralkohol yang boleh memabukkan. Arak atau lebih dikenali dengan istilah minuman keras, khususnya jenis liquor adalah salah satu barangan yang tertakluk kepada duti eksais (Nik Suhaida Nik Abdul Majid, 2023). Dalam konteks Negara Malaysia Duti Eksais adalah yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 6, Akta Eksais 1976 yang dikenakan ke atas barangan berduti yang dikilang oleh syarikat yang dilesenkan di bawah Seksyen 20, Akta Eksais 1976. Duti ini juga dikenakan ke atas barangan yang sama sewaktu diimport (Jabatan Kastam Diraja Malaysia, 2024). Secara asasnya, arak merupakan barangan yang dikawal oleh undang-undang di bawah penguatkuasaan pelbagai agensi kerajaan, baik di peringkat pers Bagi individu yang bukan beragama Islam, isu berkaitan arak mungkin tidak dianggap sebagai sesuatu yang sensitif kerana ia merupakan perkara biasa dalam budaya mereka. Walau bagaimanapun, secara umumnya mereka tetap menyedari bahawa sebarang minuman yang memabukkan boleh membawa kepada kesan negatif, terutamanya jika diambil secara berlebihan. Oleh kerana itu, terdapat beberapa negara yang telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan peraturan khusus berkaitan kawalan terhadap minuman yang beralkohol. Sebagai contoh yang boleh diambil adalah negara seperti Singapura dan Norway yang telah melaksanakan dasar kawalan yang ketat bagi mengawal penjualan dan penggunaan alkohol dalam kalangan masyarakat mereka. Norway merupakan antara negara yang mempunyai dasar alkohol yang sangat ketat. Sejak 2 Disember 2021, negara tersebut telah memperkenalkan langkah-langkah kawalan yang lebih tegas terhadap pembelian dan penggunaan alkohol. Undang-undang ini turut disertai dengan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya terhadap mana-mana individu yang melanggar peraturan (Saranya A/P Ganesan & Rohaida Nordin, 2024). Menariknya, undang-undang ini diterima baik oleh rakyatnya dan dilaksanakan secara menyeluruh tanpa menjejaskan hak individu, di samping menjaga kepentingan awam dan kesejahteraan sosial. Manakala bagi umat Islam, larangan terhadap arak atau apa-apa sahaja minuman yang memabukkan adalah jelas dan mutlak dalam ajaran Islam. Hukum pengharaman ini bukan sahaja bersifat agama tetapi turut mengambil kira kemudharatan yang boleh timbul kepada individu dan masyarakat keseluruhannya. Perbuatan meminum minuman arak merupakan satu kesalahan jenayah di bawah kategori jenayah hudud (Jasri Jamal & Noryati Anuar, 2012).

Dalam surah al-Maidah, ayat 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya minuman keras, berjudi, (berkorban untuk) berhala, dan mengundi nasib dengan anak panah, adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan setan. Maka jauhilah (perbuatan-perbuatan) itu agar kamu beruntung.

Kesalahan ini juga turut diperuntukkan di bawah undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri di Malaysia. Setiap negeri mempunyai peruntukan tersendiri dalam enakmen atau akta yang digubal oleh pihak berkuasa agama negeri. Sebagai contoh Kesalahan yang digubal di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992, di bawah Seksyen 59, Minum Minuman yang Memabukkan.

“Mana-mana orang yang meminum apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.”

Sementara itu, di Wilayah-Wilayah Persekutuan, kesalahan yang sama diperuntukkan di bawah seksyen 19, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559], Minuman Memabukkan.

"Mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan untuk jualan, menyimpan, membeli, meminum atau mengambil apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya."

Peruntukan ini secara jelas menunjukkan bahawa sistem perundangan syariah di Malaysia turut memberi perhatian terhadap isu pengambilan minuman memabukkan dalam kalangan orang Islam dan menyediakan mekanisme perundangan untuk mengawal serta menghukum pelaku kesalahan tersebut.

Terdapat sebuah hadis yang jelas menunjukkan pengharaman terhadap segala bentuk penglibatan dengan arak:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَمْرِ عَشْرَةَ عَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَشَارِبَهَا وَحَامِلَهَا وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا وَآكِلَ ثَمَنِهَا وَالْمُشْتَرِيَ لَهَا وَالْمُشْتَرَاةَ لَهُ. قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ حَدِيثِ أَنَسٍ. وَقَدْ رُوِيَ هَذَا عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ وَابْنِ مَسْعُودٍ وَابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: Diriwayatkan Anas bin Malik, Rasulullah SAW telah melaknat sepuluh golongan yang terlibat dengan arak, iaitu: orang yang memerah arak, orang yang memintanya diperah, orang yang meminumnya, orang yang membawanya, orang yang ia dibawa kepadanya, orang yang menuangkannya, orang yang menjualnya, orang yang makan hasil jualanannya, orang yang membelinya, dan orang yang dibelikan untuknya. Menurut Abu 'Isa al-Tirmizi, hadis ini adalah gharib dari riwayat Anas bin Malik, namun riwayat yang serupa turut diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ud dan Ibn 'Umar daripada Nabi SAW. Al-Tirmizi, Muhammad ibn Isa. Sunan al-Tirmizi, Hadith no. 1295. Kitab al-Ashribah (باب ما جاء فيمن لعن في الخمر).

Daripada hadis tersebut telah jelas bahawa pengharaman arak ini kepada orang yang bukan sahaja dari perbuatan meminumnya, malah turut merangkumi sebarang aktiviti yang menggalakkan perbuatan meminum arak, seperti membuat, mengedar, menjual, menyimpan atau membeli arak. Hukuman diperuntukkan di bawah jenayah hudud bagi peminum arak dalam kalangan orang Islam ialah sebatan. Islam juga menjamin hak asasi orang bukan Islam dalam sesebuah negara Islam. Bagi orang bukan Islam tiada halangan untuk mereka meminum arak atau terlibat dengan aktiviti berkaitan arak selagi mereka tidak mabuk dan membahayakan keselamatan serta ketenteraman orang awam (Jasri Jamal & Noryati Anuar, 2012). Walaupun individu bukan beragama Islam dibenarkan untuk meminum arak, hakikatnya minuman beralkohol tetap memberi kesan negatif terhadap fungsi akal dan kesihatan manusia secara umum. Atas faktor ini, wujudnya larangan memandu bagi individu yang berada di bawah pengaruh alkohol kerana ia boleh membahayakan nyawa sendiri dan orang lain. Secara keseluruhannya, Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan agama, namun majoriti penduduknya terdiri daripada masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Oleh yang demikian, meskipun aktiviti meminum arak dianggap sebagai satu kesalahan dalam hukum syarak dan perundangan. Walaubagaimanapun, dalam perundangan sivil tidak

melarang seseorang individu bukan Islam daripada meminum, menjual, membuat, menyimpan atau membeli arak, asalkan ia dilakukan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh undang-undang yang berkaitan. Namun begitu, isu yang timbul ialah minuman arak dijual secara terbuka dan tidak mengikut undang-undang yang telah ditetapkan, khususnya apabila minuman tersebut mudah didapati di pelbagai premis perniagaan termasuk kedai serbaneka seperti Speedmart, 7-Eleven, CU Mart, Family Mart dan lain-lain. Kedai-kedai ini merupakan antara premis yang dibenarkan menjual minuman keras. Berdasarkan pemerhatian, masih terdapat sebilangan kecil yang tidak mematuhi sepenuhnya garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa, sama ada disebabkan kurangnya pemantauan atau kelemahan dalam penguatkuasaan. Kelemahan dalam pelaksanaan peraturan ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat, terutamanya dalam kalangan umat Islam dan secara tidak langsung membuka ruang kepada pelanggaran syariah serta mencetuskan sensitiviti dalam kalangan awam.

Jelaslah bahawa tiada kawalan yang benar-benar ketat dilaksanakan terhadap penjualan arak, walaupun premis-premis yang menjualnya tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak PBT. Kebenaran yang diberikan untuk menjual minuman keras bukanlah bersifat mutlak, sebaliknya perlu disertai dengan pematuhan terhadap garis panduan tertentu. Namun begitu, pelaksanaan penguatkuasaan terhadap syarat-syarat ini masih lemah. Oleh itu, isu penjualan arak secara terbuka bukan lagi sesuatu yang asing dalam masyarakat, malah sudah dianggap sebagai perkara biasa, termasuk dalam kalangan masyarakat Islam. Ini sekali gus menunjukkan bahawa isu ini semakin kurang diberi perhatian dari sudut sensitiviti agama. Timbul kebimbangan apabila wujud kemungkinan minuman arak turut dipamerkan dan dijual di bahagian kaunter pembayaran, iaitu kawasan yang mudah dilihat dan diakses oleh pelanggan. Paparan sebegini boleh menarik perhatian pembeli, khususnya golongan muda atau mereka yang terdedah kepada pengaruh luar, sekali gus meningkatkan kecenderungan untuk mencuba atau membelinya tanpa rasa bersalah. Keadaan ini menambahkan lagi keprihatinan masyarakat, terutamanya apabila ia berlaku di kawasan yang majoriti penduduknya beragama Islam dan secara tidak langsung menjejaskan usaha kawalan serta sensitiviti terhadap isu penjualan minuman beralkohol.

Walaupun terdapat peruntukan undang-undang serta garis panduan yang jelas melarang penjualan arak secara terbuka, terpaksa menerima realiti bahawa penjualan arak masih dibenarkan di Malaysia, dengan syarat-syarat atau undang-undang yang telah ditetapkan untuk mengawalinya. Namun begitu, dalam pelaksanaannya, penjualan arak dilihat semakin berleluasa tanpa kawalan yang berkesan. Situasi ini menimbulkan persoalan sama ada pihak PBT benar-benar dilaksanakan secara tegas dan menyeluruh? Banyak premis seperti kedai runcit, kedai serbaneka, pasar raya dan seumpamanya masih menjual arak secara terbuka, walaupun berada di kawasan yang majoriti penduduknya beragama Islam. Keadaan ini memberikan gambaran seolah-olah tiada pemantauan rapi atau tindakan susulan yang diambil ke atas premis-premis yang melanggar peraturan. Situasi sedemikian bukan sahaja boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat, malah turut mencetuskan rasa kurang senang, memandangkan tindakan tersebut dilihat tidak menghormati sensitiviti agama serta norma budaya masyarakat setempat. Oleh itu, isu ini perlu diberi perhatian serius agar garis panduan yang telah ditetapkan benar-benar dipatuhi dan dikuatkuasakan secara konsisten. Dari sudut perundangan di Malaysia, terdapat undang-undang berkaitan dengan pelesenan penjualan arak tertakluk di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176) serta peraturan yang dibuat di bawahnya (Jabatan Kastam Diraja Malaysia, 2014).

Bagi negeri-negeri yang mempunyai peruntukan undang-undang Syariah, larangan terhadap pemilikan, penjualan dan peminuman arak dalam kalangan umat Islam adalah lebih ketat. Larangan ini diperincikan melalui Enakmen Jenayah Syariah negeri masing-masing, yang secara jelas menetapkan bahawa umat Islam dilarang daripada terlibat dalam sebarang aktiviti berkaitan dengan arak. Undang-undang ini bukan sahaja bertujuan untuk menjaga kesucian akidah umat Islam, tetapi juga bagi memelihara ketenteraman dan keharmonian masyarakat secara keseluruhan. Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), telah memberikan kuasa PBT untuk membuat undang-undang berkenaan kawalan penjualan arak melalui Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan liquor yang memabukkan) 1977.

Had jualan arak secara runcit dan borong adalah antara pukul 7.00 pagi hingga 9.00 malam dan penjualan arak dilarang kepada individu yang berumur bawah 18 tahun. Walaupun begitu, iklan langsung mengenai arak di televisyen dan radio adalah tidak dibenarkan, namun iklan di panggung wayang atau dalam bentuk tajaan masih dibenarkan (Nik Suhaida Nik Abdul Majid, 2023).

Daripada isu yang dibincangkan, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa permasalahan yang menjadi punca kepada berleluasanya penjualan minuman haram, khususnya arak di kedai-kedai serbaneka. Salah satu kelemahan utama yang dikenal pasti adalah dari sudut pelaksanaan tanggungjawab oleh pihak PBT, terutamanya dalam aspek pemantauan terhadap premis-premis yang menjual minuman beralkohol. Tugas pihak PBT bukan sekadar meluluskan lesen, tetapi juga memastikan pemantauan dijalankan secara berkala dan menyeluruh supaya semua garis panduan yang telah ditetapkan benar-benar dipatuhi oleh pemilik premis. Persoalan yang timbul ialah adakah tindakan penguatkuasaan hanya akan diambil sekiranya terdapat aduan berulang daripada orang ramai? Jika begitu keadaannya, maka ini menunjukkan kelemahan sistem pemantauan, kerana tanggungjawab pihak PBT sepatutnya tidak bergantung semata-mata kepada aduan masyarakat, tetapi dilaksanakan secara proaktif. Aduan daripada seorang individu pun tidak sepatutnya dipandang remeh atau diabaikan kerana ia mungkin mewakili kegusaran ramai pihak. Sebagai contoh, di daerah Kuala Kangsar, Perak, terdapat beberapa kedai serbaneka yang menjual arak secara terbuka, tanpa meletakkan papan tanda larangan kepada pelanggan Muslim atau mengasingkan minuman tersebut daripada minuman halal. Keadaan ini bukan sahaja menunjukkan kegagalan dalam pematuan syarat lesen, malah boleh menimbulkan kekeliruan serta mencetuskan sensitiviti dalam kalangan masyarakat setempat. Justeru, adalah penting untuk pihak PBT menjalankan pemantauan secara lebih tegas dan konsisten bagi memastikan semua peraturan dipatuhi sepenuhnya.

Seterusnya, negara perlu melarang jualan minuman keras di kedai yang berhampiran dengan sekolah, dan tempat ibadat serta mengehadkan kepadatan kedai yang menjual minuman keras di sesuatu kawasan (Voas & Fell, 2010; Saranya A/P Ganesan & Rohaida Nordin). Namun boleh dilihat bahawa ada peningkatan isu penjualan minuman haram secara terbuka, termasuk di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan masjid, sekolah agama, dan kawasan perumahan yang majoritinya dihuni oleh umat Islam. Hal ini menunjukkan kurangnya kesedaran peniaga terhadap isu ini. Penjualan minuman haram yang berleluasa memberi kesan negatif kepada masyarakat, termasuk peningkatan kemalangan yang mengakibatkan kematian. Masyarakat kini lebih mementingkan kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kesan terhadap orang lain. Sebagai peniaga, kebanyakan mereka tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam lesen penjualan minuman keras, atau sengaja mengabaikan peraturan yang ada. Pihak PBT perlu lebih cakna dan bertindak segera, bukan hanya selepas menerima aduan daripada rakyat. Oleh itu, undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras yang sedia ada perlu diperketatkan dengan pendekatan yang lebih berkesan supaya dapat mengehadkan

penggunaan minuman beralkohol tanpa menjejaskan hak individu. Tambahan pula, terdapat persoalan iaitu pengambilan alkohol adalah sah, manakala pengambilan dadah pula tidak sah di Malaysia sedangkan kedua-duanya memberikan risiko kesihatan dan keselamatan terhadap masyarakat (Saranya A/P Ganesan & Rohaida Nordin, 2024). Islam memandang jenayah minum arak adalah sama bahaya dengan jenayah penagihan dadah kerana illah yang sama. Kedua-duanya diharamkan oleh Islam kerana sebab yang sama, iaitu memabukkan dan menghilangkan akal fikiran yang waras (Jasri Jamal & Noryati Anuar, 2012).

Justeru, kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti penguatkuasaan terhadap kawalan penjualan arak di premis-premis berlesen.

Kes Berkaitan dengan Minuman Keras di Malaysia

Dari sudut perundangan meskipun kerajaan membenarkan penjualan arak, namun realiti menunjukkan bahawa arak telah memberi kesan negatif terhadap masyarakat. Beberapa kes telah menunjukkan bahawa penyalahgunaan alkohol boleh menyumbang kepada peningkatan jenayah, kemalangan jalan raya serta dari sudut pandangan agama Islam terhadap arak ini adalah menyebabkan kerosakan pada akal dan kesan terhadap nyawa sendiri.

Terdapat kes yang berkaitan dengan kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu mabuk dan kes yang berkaitan dengan penyeludupan minuman keras dan penjualan minuman keras tanpa lesen. Kes Public Prosecutor lwn Chew Jing Zhong [2020] MLJU 672. Dalam kes ini, tertuduh didakwa atas kesalahan mengikut Seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Hal ini dikatakan demikian kerana tertuduh telah menyebabkan kemalangan maut di bawah pengaruh alkohol. Kemalangan maut berlaku apabila tertuduh memandu dengan berbahaya. Tertuduh berada di bawah pengaruh alkohol pada masa itu (Saranya A/P Ganesan & Rohaida Nordin, 2024).

Selain itu, Kes Pemandu Mabuk Rempuh Penghantar Makanan di Lebuhraya Sultan Iskandar (2020). Kes ini berlaku pada 1 Jun 2020 apabila seorang penghantar makanan, Mohamed Zaili Mohamed, berusia 44 tahun, maut dalam satu kemalangan tragis apabila motosikal yang ditunggangnya dirempuh oleh sebuah kereta yang dipandu oleh seorang lelaki disyaki mabuk Hasil ujian pernafasan mendapati suspek, seorang lelaki berusia 21 tahun, berada di bawah pengaruh alkohol ketika kejadian berlaku. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 yang melibatkan pemanduan dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian (Hendra Purnama Putra, 2020).

Seterusnya, kes penahanan 31 Individu Islam Minum Arak di Pusat Hiburan, Kuala Lumpur (2023). Pada tahun 2023, satu Operasi Bersepadu telah dijalankan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama beberapa agensi penguatkuasaan lain termasuk Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Operasi ini menyasarkan lapan buah pusat hiburan sekitar kawasan Jalan Haji Taib, Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja Chulan, dan Jalan Yap Kwan Seng di ibu negara. Hasil serbuan mendapati seramai 31 individu beragama Islam ditahan kerana meminum arak di pusat-pusat hiburan berkenaan. Kesemua mereka disiasat di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah. Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559], kerana melakukan perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak. Dalam operasi yang sama, tiga premis hiburan turut dikenakan tindakan penutupan kerana beroperasi tanpa lesen sah di bawah Seksyen 17, Akta Hiburan 1992. Beberapa kertas siasatan juga telah dibuka di bawah Seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b)

akta yang sama atas kesalahan menjalankan aktiviti hiburan seperti muzik dan DJ tanpa kebenaran. Tiga notis kompaun turut dikeluarkan ke atas pemilik premis yang terlibat (Kumara Sabapatty, 2023).

Penguatkuasaan Kawalan Penjualan Arak: Perbandingan Antara Malaysia dan Negara Luar

Dalam konteks negara Malaysia, minuman keras boleh didapati dengan mudah, walaupun ia hanya ditujukan kepada pengguna bukan Islam (Malaysia Gazette, 2020). Namun begitu, penjualannya yang terlalu terbuka menimbulkan kebimbangan, terutama di Malaysia kerana rakyat Malaysia adalah majoritinya beragama Islam. Seharusnya, premis penjualan arak ini diasingkan secara khusus dan hanya boleh diakses oleh golongan bukan Islam sahaja dengan pengawalan ketat. Meskipun golongan bukan Islam dibenarkan untuk meminum arak, ia tidak bermakna minuman tersebut boleh dibeli atau didapati dengan begitu kerap tanpa sebarang kawalan. Apa yang lebih membimbangkan adalah, kini hampir disetiap kawasan termasuk kawasan perumahan mempunyai kedai yang menjual arak, khususnya kedai serbaneka seperti Speedmart yang jumlahnya semakin bertambah. Hampir di setiap cawangan kedai ini menjual minuman keras. Topik ini telah menimbulkan persoalan bahawa bagaimana negara bukan Islam mampu untuk melaksanakan kawalan ketat terhadap penjualan arak, sedangkan Malaysia adalah negara yang majoriti penduduknya Muslim masih lagi gagal melaksanakannya dengan tegas.

Mengambil contoh daripada Norway yang merupakan sebuah negara bukan Islam yang berjaya melaksanakan kawalan penjualan arak secara menyeluruh dan berstruktur. Penjualan minuman beralkohol yang melebihi 4.7% hanya dibenarkan di premis khas milik kerajaan yang dikenali sebagai Vinmonopolet. Premis ini pula beroperasi pada waktu yang terhad dan tidak dibuka pada hari Ahad atau cuti umum. Meskipun rakyat Norway tidak mempunyai sekatan agama terhadap arak, kerajaan mereka tetap mengambil langkah tegas atas dasar kesihatan awam dan kesejahteraan sosial (Lauri Beekmann, 2023). Keadaan ini jelas menunjukkan komitmen mereka dalam membendung gejala sosial yang berkaitan dengan alkohol. Berbanding dengan Malaysia, meskipun pengambilan arak bertentangan dengan ajaran agama Islam dan sensitiviti masyarakat, kawalan terhadap penjualannya masih longgar dan terbuka. Malah, selain aspek penjualan, Norway turut mengawal aspek iklan dan promosi alkohol secara ketat. Undang-undang di sana melarang sebarang bentuk promosi komersial berkaitan alkohol di media cetak, televisyen mahupun platform digital. Langkah ini diambil bagi mengelakkan normalisasi alkohol dalam kalangan belia dan pengguna baharu. Tambahan pula, harga arak di Norway adalah antara yang tertinggi di Eropah kerana dikenakan cukai yang sangat tinggi. Tujuannya bukan untuk mengaut keuntungan, tetapi untuk mengekang permintaan dan mengurangkan kesan buruk terhadap masyarakat. Hal ini menunjukkan bagaimana kerajaan Norway menggunakan pelbagai pendekatan dari kawalan fizikal, ekonomi hingga psikologi untuk membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dalam pengambilan arak (Reddit Norway, 2022)

Seterusnya di Singapura pula, pendekatan kawalan arak dilaksanakan dengan tegas walaupun negara tersebut bersifat majmuk dan sekular. Selepas insiden rusuhan Little India pada tahun 2013 yang dikaitkan dengan pengambilan alkohol secara berlebihan, kerajaan Singapura mengambil langkah pantas dengan menggubal undang-undang yang menghadkan waktu penjualan dan larangan minuman keras di tempat awam selepas jam 10.30 malam (Lim Yi Han, 2015). Kawasan larangan minuman keras turut diwujudkan bagi menjamin ketenteraman awam. Meskipun masyarakat Singapura terdiri daripada pelbagai agama dan

kaum, langkah- langkah ini diterima baik kerana ia dilaksanakan secara menyeluruh tanpa memihak kepada mana-mana kelompok. Ini membuktikan bahawa dengan keazaman politik dan dasar yang telus negara bukan Islam juga mampu melindungi nilai sosial dan keharmonian masyarakat lebih berkesan daripada Malaysia. Selain itu, Singapura juga menetapkan zon khas berlesen untuk penjualan dan penggunaan arak seperti di kawasan hiburan tertentu. Lesen ini disemak secara berkala dan premis yang gagal mematuhi garis panduan akan dikenakan tindakan serta-merta. Kerajaan Singapura turut melaksanakan kempen kesedaran yang berterusan berkaitan kesan penyalahgunaan alkohol dan penguatkuasaan dilakukan secara aktif oleh pihak polis dan pengawal kawasan. Ini menunjukkan betapa seriusnya mereka menangani isu ini sebagai satu ancaman keselamatan awam, bukan semata-mata isu agama atau moral. Ketegasan ini bukan sahaja berjaya menurunkan kadar jenayah berkaitan alkohol, malah turut meningkatkan rasa selamat dalam kalangan penduduk bandar yang pelbagai latar belakang.

SOROTAN KAJIAN

Beberapa penulisan akademik telah disorot bagi menunjukkan jurang kajian yang belum dipenuhi khususnya berkaitan kelemahan dari pihak PBT itu sendiri.

Dalam usaha dakwah melalui undang-undang berkaitan arak di Malaysia, kajian oleh Nik Suhaida Nik Abdul Majid, (2023) membincangkan langkah Kerajaan Negeri Kelantan dalam mengawal penjualan arak kepada bukan Islam. Seterusnya, kajian oleh Nik Suhaida yang bertajuk Pendekatan Dakwah Melalui Undang-Undang: Pengalaman Negeri Kelantan Dalam Pemerkasaan Kawalan Penjualan Arak (*Liquor*) turut menghuraikan bagaimana Negeri Kelantan mengatasi masalah ini dengan menghadkan akses kepada pembeli dan penjual supaya penjualan serta pengambilan arak tidak berleluasa. Negeri Kelantan telah menetapkan beberapa batasan bagi menjaga keharmonian masyarakat setempat tanpa mengetepikan keutamaan Islam sebagai asas pentadbiran. Malah, Haji Nik Abdul Aziz menjadi pelopor utama dalam memperkenalkan dasar kerajaan yang lebih serius dan tegas dalam menguatkuasakan kawalan penjualan arak, berasaskan prinsip dan nilai Islam. Kawalan undang-undang ini telah diperketatkan demi menjaga kesejahteraan umat Islam di negeri tersebut. Kajian ini menekankan pentingnya memahami latar belakang golongan sasaran (*mad'u*), menjelaskan sebab larangan, serta menggunakan pendekatan dakwah berperingkat yang merangkumi kelembutan dan ketegasan. Pendekatan ini menunjukkan keseimbangan antara pelaksanaan dasar Islam dan sensitiviti terhadap hak bukan Islam. Namun begitu, kajian ini masih kurang menyeluruh dari aspek perbandingan antara negeri, tidak membincangkan kesan sosioekonomi jangka panjang secara mendalam, dan bilangan responden yang terhad mungkin turut menjejaskan kekuatan dapatan kajian ini. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan oleh Negeri Kelantan boleh dijadikan contoh dalam pengurusan kawalan penjualan arak yang berasaskan nilai Islam, tetapi tetap mengambil kira kepelbagaian masyarakat.

Setelah itu, jurnal dari penulis yang sama iaitu Nik Suhaida Nik Abdul Majid, (2024) memperluas cakupan dengan mengangkat konsep “seni sosiologi dakwah” dalam pelaksanaan undang-undang arak di peringkat nasional. Pendekatan ini membawa analisis yang lebih konseptual dengan melihat kerajaan sebagai *da'i* dan masyarakat sebagai *mad'u*, di samping mengaitkan undang-undang sebagai medium dakwah yang lebih lunak dan berhikmah. Kajian ini menunjukkan keterlibatan pelbagai akta dan agensi, namun menampilkan kekangan dari segi pelaksanaan seperti ketidakseragaman istilah dan kuasa terhad agensi agama. Meskipun demikian, jurnal ini menyumbang perspektif baharu dengan menggesa agar perundangan tidak dilihat secara kaku, tetapi sebagai instrumen dakwah yang fleksibel dan mampu membina kefahaman masyarakat secara menyeluruh.

Akhir Sekali, kajian oleh Saranya A/P Ganesan & Rohaida Nordin, (2024), yang bertajuk Undang-undang yang Berkaitan dengan Minuman Keras di Malaysia: Konflik Antara Hak Individu dengan Kepentingan Awam membincangkan isu ketegangan antara kebebasan individu, terutamanya bukan Islam, dan keperluan untuk mengawal kesan buruk arak kepada masyarakat. Dalam kajian ini, telah didedahkan sekurang-kurangnya lima kes berkaitan penyalahgunaan alkohol yang telah mengakibatkan kesan negatif, termasuk membahayakan nyawa orang lain yang tidak bersalah. Ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan arak bukan sahaja memberi kesan peribadi tetapi turut mengancam keselamatan awam. Kajian ini juga mencadangkan supaya undang-undang berkaitan arak di Malaysia diperkukuh, mengambil contoh model negara seperti Norway, dengan mencadangkan larangan iklan arak dan pelaksanaan program pemulihan. Daripada pemerhatian yang dibuat di beberapa premis, didapati bahawa terdapat minuman keras dipamerkan secara terbuka dan tiada sebarang papan tanda, jadi disini jelas bahawa undang-undang yang sedia ada masih lemah dan perlu diperketatkan. Walau bagaimanapun, jika undang-undang baharu diperkenalkan, hak bukan Islam tidak boleh diabaikan kerana arak merupakan sebahagian daripada budaya dan amalan mereka. Oleh itu, penting untuk mewujudkan undang-undang yang seimbang dan menjaga hak individu bukan Islam, tetapi pada masa sama, memastikan keselamatan dan keharmonian masyarakat. Dari segi pendekatan, kajian ini lebih bersifat umum dan tidak terlalu menumpukan kepada aspek agama, sebaliknya menggunakan kaedah kajian berdasarkan analisis undang-undang. Ini berbeza dengan jurnal Nik Suhaida yang lebih fokus kepada dakwah dan pelaksanaan hukum Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif (Sharan B. Merriam, 2009). Reka bentuk ini sesuai digunakan apabila penyelidik ingin mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap isu yang dikaji tanpa melibatkan pengukuran berangka. Pendekatan ini dipilih kerana ia memberi ruang kepada penyelidik untuk memahami sesuatu isu daripada perspektif individu atau kumpulan yang terlibat secara langsung. Pendekatan ini juga membolehkan penyelidik meneliti makna di sebalik tindakan, persepsi dan pengalaman responden secara mendalam dan kontekstual. Selain itu, tujuan penyelidikan kualitatif dilakukan untuk mengkaji dan memahami proses yang berlaku dalam situasi dan keadaan yang realistik agar maklumat yang relevan dengan kajian mampu dicapai (Ezzah Munirah & Zulkifli Hussin, 2023). Reka bentuk kajian ini juga membolehkan data dikumpulkan dalam bentuk naratif yang kaya dengan maklumat yang tidak dapat diperoleh melalui kaedah kuantitatif. Dalam konteks ini, isu penguatkuasaan penjualan arak merupakan isu yang sensitif dan memerlukan pendekatan yang lebih teliti, terutama dalam meneliti pandangan, pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh pihak yang terlibat secara langsung seperti pihak PBT, maka kajian berbentuk kualitatif adalah reka bentuk yang paling sesuai.

Kajian ini menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dalam kajian ini melibatkan kaedah temu bual separa struktur yang dianggap paling sesuai kerana ia menggunakan set soalan yang telah disediakan serta memberi fleksibiliti kepada penemubual untuk mencelah dan menambah soalan mengikut kesesuaian semasa sesi temu bual berlangsung. Temu bual ini tidak memerlukan bilangan soalan yang terlalu banyak, cukup sekadar lapan hingga sepuluh soalan (Norizan Hassan, 2018). Temu bual ini telah dijalankan ke atas dua individu berkepentingan iaitu En. Rushdi dari Jabatan Operasi Berani, Pejabat Daerah Kuala Kangsar yang membantu memberikan maklumat berkaitan isu dan cadangan yang dikemukakan. Selain itu, seorang pekerja kedai serbaneka di speedmart ditemu bual bagi melihat sejauh mana pihak PBT memainkan peranan terhadap isu penjualan minuman keras

secara terbuka. Temu bual dijalankan bagi memperoleh maklumat yang tepat dan mendalam. Individu yang terlibat dalam temu bual dipilih menggunakan kaedah bola salji (*snowball*) (Syarifah Rahimah & Mohamad Muhaymien, 2023).

Kajian ini telah menggunakan kaedah pemerhatian tidak ikut serta biasa digunakan dalam kajian kualitatif. Dalam pemerhatian tidak ikut serta, pemerhati tidak terlibat secara langsung dalam situasi yang diperhatikan (Gay & Airasian, 2000). Pemerhatian ini dilakukan bagi meneliti aspek seperti susun atur minuman keras, lokasi paparan arak serta kehadiran papan tanda amaran terhadap penjualan arak. Pemerhatian ini dijalankan secara tidak langsung tanpa penglibatan dalam operasi harian kedai. Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkaitan peranan pihak PBT terhadap pengawasan terhadap penjualan minuman keras.

Seterusnya, data sekunder adalah data analisis dokumen (Nur Suriana Shaifoddin, 2014). Sumber-sumber yang dirujuk meliputi jurnal ilmiah, laporan rasmi, dokumen kerajaan dan artikel berkaitan dasar pengawalan penjualan arak. Analisis dokumen turut digunakan sebagai salah satu kaedah utama dalam kajian ini. Dokumen yang dianalisis meliputi laporan, pekeliling dan peraturan yang telah dikeluarkan oleh pihak PBT berkaitan kawalan penjualan minuman arak. Analisis ini membantu bagi memahami dasar yang telah digariskan serta membuat perbandingan antara pelaksanaan di lapangan dengan garis panduan rasmi. Di samping itu, beberapa dokumen terdahulu daripada kajian lepas turut dianalisis bagi mendapatkan maklumat tambahan dan idea yang relevan untuk dikemukakan dalam kajian ini.

Akhir sekali, kajian ini telah menggunakan kaedah analisis tematik melalui kaedah pengkodan temu bual yang memegang prinsip asas dalam membina sesuatu kod pengurusan data yang terletak kepada ciri-ciri asas sesuatu data seperti nama informan, lokasi, masa, tarikh dan makna bagi setiap singkatan diberi mengikut pemahaman seorang penyelidik.

Jadual 1: Jadual Indeks Kod Data Temu Bual

KOD	KETERANGAN
IN1, 25/04/25,	IN1 adalah informan pertama, 25/04/25 merujuk kepada tarikh temu bual.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa pihak PBT tidak menjalankan pemantauan secara berkala terhadap penjualan arak di kedai serbaneka. Selain itu, peraturan yang sedia ada juga dilihat kurang ketat dan tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Lazimnya, pemantauan hanya dilakukan apabila terdapat aduan daripada orang awam. Penjualan arak pula tidak dianggap sebagai satu isu yang perlu diberikan keutamaan kerana aktiviti tersebut telah diluluskan secara rasmi melalui pemberian lesen oleh pihak berkuasa. Justeru, mana-mana kedai serbaneka yang mempunyai lesen sah dibenarkan menjual arak tanpa pemantauan tetap oleh pihak PBT. Pemeriksaan yang dijalankan pula lebih tertumpu kepada perkara lain seperti kawalan harga barangan, tahap kebersihan premis dan susun atur kedai, bukan terhadap penjualan arak secara khusus.

Walaupun begitu, berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pekerja kedai serbaneka, pihak kedai mengambil langkah untuk mematuhi peraturan dengan memeriksa identiti pembeli bagi memastikan hanya individu yang layak dibenarkan membeli minuman

keras. Ini menunjukkan wujudnya usaha pematuhan di peringkat pengusaha. Namun demikian, hasil temu bual juga menunjukkan bahawa setelah lesen penjualan diberikan, pemantauan daripada pihak berkuasa menjadi semakin longgar. Dalam tempoh sebulan kebelakangan ini, tiada pemantauan khusus dijalankan kerana penjualan arak dianggap sah dari sudut undang-undang. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa wujud kelemahan dalam aspek penguatkuasaan serta kurangnya ketegasan dalam pelaksanaan peraturan yang sedia ada. PBT seharusnya tidak hanya bertindak berdasarkan aduan semata-mata, sebaliknya perlu melaksanakan pemantauan secara berkala sebagai satu bentuk tanggungjawab berterusan. Situasi ini menggambarkan bahawa pihak PBT tidak melaksanakan tanggungjawab pemantauan secara konsisten, yang boleh membuka ruang kepada penyalahgunaan lesen atau ketidakpatuhan terhadap garis panduan yang telah ditetapkan.

Temu bual yang dijalankan melibatkan dua orang informan utama, iaitu seorang pekerja di kedai serbaneka Speedmart dan seorang pegawai dari Pejabat Daerah yang bertugas di Unit Operasi Berani Bahagian Pelesenan. Tujuan temu bual ini adalah untuk mendapatkan maklumat secara terus berkaitan isu penjualan arak di kedai serbaneka, khususnya dari sudut pelaksanaan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Beberapa persoalan penting telah dikemukakan kepada kedua-dua informan bagi memperoleh gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh terhadap isu ini. Pandangan yang diberikan sangat bermakna untuk menilai sejauh mana pihak PBT menjalankan tugas penguatkuasaan secara berkala dan berkesan. Melalui maklum balas yang diperoleh, hasil temu bual ini turut membuka ruang kepada pengkaji untuk mengenal pasti punca sebenar kenapa isu penjualan arak masih berlanjutan, walaupun terdapat pelbagai garis panduan dan peraturan yang telah diperkenalkan. Selain itu, terdapat juga dokumen penting yang berkaitan, yang diperoleh daripada pihak PBT. Perkongsian ini secara tidak langsung membantu memperkukuh pemahaman terhadap dasar dan prosedur yang sedang dilaksanakan oleh pihak PBT.

PERBINCANGAN

Isu berkaitan penjualan arak telah pun dijelaskan dalam bahagian pengenalan kajian ini. Justeru, fokus utama dalam perbincangan ini adalah mencadangkan satu pendekatan baharu yang lebih praktikal dan berkesan bagi membantu pihak PBT melaksanakan pemantauan secara berkala. Cadangan ini timbul akibat kelemahan pemantauan yang dikenal pasti dalam dapatan kajian, termasuk alasan kekangan masa dan kekurangan tenaga kerja yang sering digunakan sebagai halangan oleh pihak PBT. Salah satu pendekatan yang boleh diambil adalah dengan memanfaatkan teknologi semasa melalui penggunaan atau pemasangan *CCTV* terutamanya di kedai serbaneka yang mempunyai lesen penjualan minuman keras. Kamera litar tertutup sangat efisien bahkan dalam menangani masalah jenayah. Kamera ini dipasang dan hanya memfokuskan kepada kawasan di mana letaknya minuman keras. Kamera-kamera ini boleh dihubungkan terus ke pusat pemantauan pihak PBT, membolehkan pengawasan dilakukan secara terus dari masa ke semasa tanpa perlu melakukan rondaan fizikal penguat kuasa. Bagusnya pemasangan *CCTV* ini kerana dapat melihat secara nyata dan menyimpan bukti rakaman dan sangat berguna untuk pihak berkuasa mengambil tindakan.

Langkah ini dapat memastikan pemantauan berjalan secara konsisten. Isu penjualan arak secara terbuka dan berleluasa bukan sahaja telah menimbulkan kebimbangan awam, malah turut memberi kesan negatif termasuk kes-kes kematian akibat penyalahgunaan alkohol. Oleh itu, kajian ini turut berusaha mencari punca berlakunya kelonggaran dalam pengawalan serta bagaimana proses pemberian lesen atau kebenaran penjualan ini diluluskan, dan sejauh mana ketegasan serta sensitiviti pihak berkuasa terhadap kepelbagaian masyarakat, khususnya

yang beragama Islam yang secara asasnya menolak pengambilan arak. Kurangnya penguatkuasaan serta kelemahan dalam aspek pemantauan memberi gambaran bahawa sistem kawalan sedia ada masih belum cukup mantap untuk menangani isu ini. Maka, penggunaan teknologi pemantauan digital dilihat sebagai satu langkah ke hadapan yang mampu menutup jurang kelemahan ini, sekali gus memastikan kesejahteraan dan sensitiviti masyarakat majmuk terus terpelihara. Dari hasil temu bual, pihak PBT juga mengaku bahawa peraturan yang sedia ada ini tidak ketat dan masih ada kelonggaran.

Membuat Peraturan Ketat dan Lebih Efektif

Kaedah yang digunakan oleh pihak PBT dari dulu hingga kini adalah dengan melantik dua orang dalam kalangan mereka yang bukan beragama Islam bagi menjalankan tugas pemantauan. Namun begitu, pemantauan tersebut hanya dilakukan dua tahun sekali, menjadikan pengawasan kurang berkesan dan tidak menyeluruh. Akibat daripada itu maka pemilik premis tidak mengambil perhatian malah melanggar peraturan dan tidak ada sebarang denda dan hukuman dikenakan.

“Kami ada buat lawatan. Sebelum kami buat lawatan tu, setiap dua tahun kami akan melantik pegawai pemeriksa jabatan untuk lakukan pemeriksaan lah. Mereka akan jalankan pemeriksaan sebulan, paling kurang sebulan sekali”. (IN1,25/04/25,B26-28)

“Lagi satu, pemeriksaan selepas yang dia dapat lesen tu tak ada, bukan kerap lah, sebab bila ada aduan sahaja akan keluar, akan keluar pemantauan. Itu kaedah sekarang lah. Kaedah pemeriksaan ni untuk pemantauan ni masih lagi yang lama. Bergerak ke premis untuk cek”. (IN1,25/04/25,B166-168)

Jadi beberapa langkah dicadangkan bagi memperketatkan penguatkuasaan, antaranya adalah dengan mengenakan peraturan yang lebih tegas terhadap penjualan arak di kedai serbaneka. Termasuklah menghadkan jumlah minimum penjualan serta menghadkan bilangan premis yang dibenarkan untuk menjual minuman keras. Telah dicadangkan juga kepada pihak PBT untuk membuat pengasingan sepenuhnya antara kedai serbaneka yang menjual barangan harian dengan kedai yang khusus menjual minuman keras. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan untuk melaksankannya.

“Memang ada cuma sekarang ni kedai macam 7E ke KK Mart atau ada satu kedai serbaneka ni. Mereka tak ambil, tak sensitif untuk ni lah. Untuk pengasingan tu. Tindakan kami cuma boleh tambahkan dalam syarat untuk asingkan barang-barang penjualan arak ni lah”. (IN1,25/04/25,B176-178)

“Lagi satu dia akan melibatkan banyak pihak, Pihak KASTAM, PDRM dan agensi-agensi yang terlibatlah untuk pemeriksaan. Biasanya sebelum meluluskan, kami akan periksa premis tersebut, yang itu memang kami kena selaraskan lah perkara itu”. (IN1,25/04/25,B182-184)

Kedai-kedai yang menjual minuman keras ini juga wajar dihadkan waktu operasinya bagi mengawal akses secara terbuka kepada umum, terutamanya golongan remaja. Di samping itu, hukuman yang sedia ada boleh ditambah baik melalui peningkatan kadar kompaun atau hukuman penjara dalam tempoh yang lebih lama bagi kesalahan yang melibatkan penjualan atau penyalahgunaan arak secara tidak terkawal. Pengambilan alkohol di Malaysia juga wajar dipandang serius sebagaimana pengambilan dadah, memandangkan kedua-duanya memberi kesan buruk terhadap kesihatan, keselamatan awam dan kestabilan sosial masyarakat. Jadi PBT

hendaklah menjadikan pemasangan *CCTV* sebagai syarat utama bagi premis-premis yang menjual minuman keras. Syarat baru ini mewajibkan pemilik premis menanggung kos pembelian dan pemasangan *CCTV* dan *CCTV* tersebut boleh diakses secara langsung oleh pihak PBT. Berdasarkan cadangan diatas, maka kajian ini mengemukakan dua pendekatan utama, iaitu penggunaan *CCTV* dan kaedah ganjaran (*reward*).

Closed Circuit Television (*CCTV*) atau dikenali sebagai Kamera Litar Tertutup

CCTV merujuk kepada sistem rakaman video yang menghantar isyarat secara terus ke lokasi-lokasi tertentu bagi tujuan pemantauan. Penggunaan *CCTV* lazimnya digunakan di kawasan yang memerlukan kawalan keselamatan seperti di bank, premis perniagaan, lapangan terbang dan sebagainya. Dalam era moden yang serba canggih ini, penggunaan *CCTV* dilihat sebagai satu keperluan dan sangat digalakkan bagi tujuan pemantauan dan sebagai langkah berjaga-jaga. Secara umumnya, *CCTV* dipasang atas tujuan keselamatan premis dan mencegah jenayah seperti kecurian. Namun begitu, penggunaannya perlulah selaras dengan peraturan dan etika. Sebagai contoh, jika kamera dipasang semata-mata untuk memantau pekerja, ia boleh dianggap sebagai pelanggaran etika dan privasi (Zahin Byond, 2024).

Bagi tujuan pemantauan penjualan arak, pemasangan *CCTV* hendaklah difokuskan kepada kawasan yang menempatkan minuman keras sahaja, tanpa menjejaskan privasi keseluruhan premis. Sebagai contoh, pemasangan *CCTV* di semua kedai serbaneka yang dikenal pasti menjual arak boleh dijadikan satu sistem pemantauan berterusan. Kamera-kamera ini boleh disambungkan secara langsung ke pusat pemantauan PBT mahupun KASTAM yang membolehkan pemantauan dilakukan secara berpusat tanpa kebergantungan penuh kepada rondaan fizikal atau aduan daripada orang awam. Pendekatan ini mampu meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan mengurangkan risiko pelanggaran terhadap garis panduan yang ditetapkan. Melalui kaedah ini, pihak PBT boleh memantau kadar pengeluaran atau jualan arak dari semasa ke semasa serta memastikan pematuhan terhadap peraturan yang telah ditetapkan. Pemantauan melalui *CCTV* patut wujud bahkan pemasangannya tidak menyalahi mana-mana undang-undang.

Menurut garis panduan yang dikeluarkan Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia, majikan dibenarkan untuk memasang *CCTV* di premis bagi tujuan mengesan dan mencegah jenayah sahaja dan tidak boleh digunakan untuk memantau pergerakan pekerja. Jadi di sini pihak PBT mempunyai hak hanya sekadar untuk memantau penjualan berkenaan minuman keras semata. Jadi pihak PBT tidak mempunyai hak bagi memantau selain yang dinyatakan kerana itu telah melanggar privasi kedai tersebut.

Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa penggunaan *CCTV* memberikan kesan yang sangat positif dan efektif dalam usaha pengawasan penjualan arak. Cadangan ini telah dikemukakan secara langsung kepada pihak PBT sebagai satu pendekatan yang lebih sistematik bagi memperkukuh aspek pemantauan. Cadangan ini juga telah menerima maklum balas yang sangat baik dan positif daripada pihak PBT kerana ia bukan sahaja telah meningkatkan keberkesanan pengawasan, malah turut memudahkan pelaksanaan tugas penguatkuasaan daripada pihak PBT. Memandangkan cadangan ini telah dibentangkan berdasarkan kawasan yang telah ditemu bual, maka diharapkan juga agar pendekatan ini dapat diselaraskan dan diperluaskan pelaksanaannya ke seluruh negeri bagi memastikan keberkesanan yang lebih menyeluruh.

“Untuk CCTV ya? Untuk CCTV yang dicadangkan, CCTV ni langkah yang sangat praktikal lah. Bagus dan boleh diplan untuk kami gunakan nanti”. (IN1,25/04/25,B103- 104)

“Untuk pemantauan macam yang dicadangkan tadi, CCTV tu bagus lah. Sebab sekarang ni memang tak ada pemantauan dari segi rekod digital atau sistem yang akan jadi macam pengkalan data untuk semua agensi yang terlibat. Contoh macam pejabat daerah negeri, kastam, PDRM. Untuk pemantauan digital memang tak ada untuk connect dengan semua ni”. (IN1,25/04/25,B162-165)

“Cadangan tu bagus untuk kami lah. Senang nak pantau. Dan pihak kastam pun kalau fail dia memang dia orang kena adalah. Mereka yang buat pemeriksaan ke premis ni kan”. (IN1,25/04/25,B211-212)

Memperkenalkan Kaedah Ganjaran (reward)

Kaedah ganjaran merupakan salah satu pendekatan yang sangat efektif dalam memperkukuh sistem pemantauan oleh pihak PBT. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan keprihatinan masyarakat terhadap isu penguatkuasaan, malah turut mendorong penglibatan aktif orang awam dalam menyalurkan maklumat. Kaedah ganjaran ini telah pun dilaksanakan oleh beberapa agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan beberapa agensi yang lain. Contohnya, SPRM telah memperkenalkan sistem ganjaran sebagai insentif kepada individu yang melaporkan kes rasuah. Ganjaran ini diberikan mengikut amaun rasuah yang dilaporkan, sebagai usaha menghargai keberanian serta integriti pelapor. Dalam satu kes yang telah berjaya membuat tangkapan, seramai 45 orang penjawat awam telah dinilai dan diiktiraf oleh SPRM kerana melaporkan cubaan rasuah dan diberi ganjaran di atas tindakan berani mereka. Pelaksanaan sistem ganjaran oleh SPRM ini telah berkuat kuasa sejak 1 Jun 2011. MBSP juga telah melaksanakan kaedah ganjaran sebanyak seratus ringgit dibawah Majlis Pemandaran Seberang Perai (MPSP) kepada pemberi maklumat bagi mencegah kekotoran sebagai menghargai jasa pengadu yang bersama-sama MPSP membanteras kekotoran. Ini adalah selaras dengan fokus MPSP menggalakkan penyertaan komuniti dalam pentadbiran MPSP. Pendekatan seperti ini wajar dicontohi oleh pihak PBT bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan serta membina kerjasama erat antara pihak berkuasa dan masyarakat.

Kerjasama berterusan antara masyarakat dan pihak berkuasa ini mampu memberikan impak positif dalam usaha membanteras penjualan arak secara tidak terkawal. Pihak PBT menghadapi cabaran besar dalam memantau semua premis oleh sebab keterbatasan sumber manusia dan keluasan kawasan pentadbiran. Oleh itu, maklumat dari masyarakat setempat amat diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Pihak PBT tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada aduan semata-mata, mereka hendaklah memainkan peranan penting dalam menangani isu ini, kerana ini adalah tanggungjawab mereka. Peranan masyarakat sebagai “mata dan telinga” kepada pihak berkuasa sangatlah membantu dan dapat memudahkan pihak PBT untuk mengambil tindakan. Premis-premis yang menjual arak biasanya lebih mengutamakan keuntungan tanpa mengambil kira kesan negatif terhadap masyarakat. Maka, hubungan antara masyarakat dan pihak PBT perlu diperkukuhkan agar penguatkuasaan dapat dijalankan secara adil dan menyeluruh, demi kesejahteraan dan keharmonian hidup bersama.

Terdapat sebuah hadis yang boleh diambil daripada Sabda Nabi Muhammad S.A.W berkaitan kaedah ganjaran ini.

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ النَّصَارِيِّ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنِّي أُبَدِّعُ فِي فَاحِشٍ لِي فَقَالَ مَا عِنْدِي فَقَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَا أَذْهَبُ عَلَى مَنْ يَحْمِلُهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Daripada Abu Mas'ud al-Ansari, beliau berkata: Seorang lelaki datang kepada Nabi Muhammad S.A.W dan berkata, "Unta saya telah menjadi lemah, jadi berikanlah saya tunggangan." Nabi menjawab, "Saya tiada (untuk diberi)." Kemudian seorang lelaki berkata, "Wahai Rasulullah, saya boleh menunjukkan kepadanya orang yang akan memberinya tunggangan." Maka Rasulullah S.A.W bersabda: "Sesiapa yang menunjukkan kepada kebaikan, maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang melakukannya." (Hadis Riwayat Muslim)

Hadis ini telah membawa satu konsep ganjaran bahawa apabila seseorang membantu orang lain dengan menunjukkan jalan atau petunjuk kepada sesuatu kebaikan, maka dia akan memperoleh ganjaran yang sama seperti orang yang melaksanakan kebaikan tersebut. Jadi dalam kehidupan seharian, kebaikan tidak semestinya perlu dilakukan secara langsung untuk memperoleh ganjaran, boleh juga melalui pemberian bantuan agar kebaikan itu dapat dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya peranan membantu dan membimbing orang lain ke arah kebaikan. Dalam konteks kajian ini melalui kaedah ganjaran, sekiranya seseorang melaporkan pelanggaran undang-undang berkaitan dengan penjualan arak dan tindakan diambil oleh pihak berkuasa berdasarkan laporan, maka individu tersebut turut memperoleh ganjaran seperti mata wang dan ganjaran pahala kerana telah mendorong usaha dalam mencegah kemungkaran. Keadaan ini menunjukkan betapa penting dan bernilainya peranan setiap individu dalam menyampaikan serta menggalakkan kebaikan walaupun secara tidak langsung.

Masyarakat memainkan peranan yang amat penting dalam membantu pihak berkuasa menangani isu penjualan arak secara terbuka. Setiap aduan yang dibuat sekiranya disertakan dengan bukti yang kukuh seperti gambar, video atau dokumen berkaitan, boleh membantu pihak PBT menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan lebih berkesan. Kerjasama erat antara masyarakat dan pihak berkuasa amat diperlukan agar masalah ini dapat diatasi secara menyeluruh. Dengan adanya maklumat dan aduan daripada masyarakat, pihak PBT boleh mengenal pasti premis yang melanggar syarat, seperti menjual arak secara terbuka tanpa pengasingan yang sepatutnya atau tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berdasarkan kesalahan yang dilakukan, pihak PBT boleh mengambil tindakan yang bersesuaian sama ada dalam bentuk teguran, kompaun atau tindakan undang-undang lain mengikut peraturan sedia ada.

Bagi menggalakkan penglibatan aktif masyarakat, pihak PBT boleh memperkenalkan sistem aduan secara atas talian atau menerusi panggilan telefon. Melalui kedua-dua kaedah ini, pihak PBT boleh menawarkan insentif kepada pengadu yang membantu dalam menyalurkan maklumat penting, contohnya insentif dalam bentuk sistem mata ganjaran melalui aplikasi khas. Insentif dicadangkan dalam bentuk mata ganjaran.

Salah satu insentif yang dilihat mampu membantu penguatkuasaan adalah dengan memperkenalkan sistem mata ganjaran dalam bentuk mata ganjaran (*reward points*) melalui aplikasi khas. Ganjaran ini boleh ditebus dalam bentuk diskaun bagi pembayaran cukai taksiran

atau faedah-faedah lain yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, aduan yang dibuat mestilah mematuhi syarat-syarat tertentu seperti pengesahan identiti pengadu, bagi mengelakkan aduan palsu dan menyalahgunakan sistem aduan awam. Untuk mengelak sebarang penipuan oleh pemberi maklumat dan penganiayaan kepada premis, maka proses penerimaan laporan bagi mengelakkan berlakunya penipuan, setiap data yang dimasukkan mestilah tepat dan lengkap dan dinyatakan dengan proses pengesahan (*verification*) oleh pegawai yang bertanggungjawab. Sebagai contoh, sekiranya seseorang mengisi maklumat, maka pegawai yang bertugas boleh membuat panggilan semula untuk mengesahkan kesahihan data yang diterima. Langkah ini penting bagi memastikan kesahihan maklumat dan mengelak penyalahgunaan sistem laporan orang awam. Sekiranya aduan dibuat melalui panggilan, langkah yang sama dilakukan bagi mendapatkan pengesahan tentang pelapor dengan lengkap. Proses pengesahan ini juga perlu dibuat dengan teliti. Dengan cara ini, kekangan kekurangan pegawai dapat diatasi dan seterusnya meningkatkan efisiensi penguatkuasaan penjualan minuman keras di kedai serbaneka.

Perbandingan sebelum dan selepas sekiranya pemasangan *CCTV* ini dilaksanakan.

Sebelum	Selepas
Pemantaun hanya dua tahun sekali.	Pemantauan dapat dilakukan setiap masa tanpa mengira waktu.
Tindakan berdasarkan aduan.	Bukan hanya melalui aduan, malah dapat dilihat secara langsung kesalahan yang dilakukan melalui <i>CCTV</i> .
Kesalahan tidak dapat diambil kerana tiada bukti yang kukuh.	Rekod kesalahan dapat disimpan dan dibuktikan.
Berlaku persembunyian fakta atau pihak premis telah bersedia terlebih dahulu sebelum pemantauan dilaksanakan.	Pihak premis tidak dapat mengelak kerana pihak PBT dapat melihat rakaman <i>CCTV</i> secara langsung.
Kekurangan pegawai PBT.	Tidak perlu menunggu pegawai cukup untuk melaksanakan.
Tidak mengambil berat dengan garis panduan yang telah ditetapkan.	Setiap penjualan dan sebarang aktiviti berkaitan minuman keras dipantau oleh pihak PBT.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menumpukan kepada isu penambahbaikan penguatkuasaan pihak PBT dalam mengawal penjualan minuman keras di kedai serbaneka. Kajian ini juga telah berjaya mengenal pasti beberapa isu utama yang menjadi halangan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak PBT terutamanya dari aspek kekurangan pegawai penguatkuasa dan juga tambahan premis serbaneka yang kebanyakan dari premis ini menawarkan penjualan minuman keras. Dengan realiti yang ada ini, maka perlu ada satu kaedah penguatkuasaan yang sistematik iaitu adalah memperkenalkan beberapa penambahbaikan yang perlu diatasi segera iaitu mendapati bahawa kurangnya kekerapan pemantauan secara berkala, kekurangan tenaga kerja dan tindakan penguatkuasaan hanya diambil apabila selepas aduan diterima yang merupakan antara punca utama kelonggaran kawalan penjualan arak. Berdasarkan halangan yang dicabar ini, maka kajian ini mencadangkan penggunaan *CCTV* sebagai salah satu kaedah pemantauan digital yang efisien, sistematik dan tidak membebankan pihak PBT dari segi sumber manusia. Pendekatan ini telah mendapat sokongan daripada pihak PBT sendiri semasa sesi temu bual dan disifatkan sebagai satu kaedah yang boleh dirancang serta dilaksanakan dalam masa terdekat.

Selain itu, kaedah ganjaran kepada pemberi maklumat juga dilihat sebagai satu langkah yang sangat efektif bagi mendorong penglibatan aktif masyarakat dalam penguatkuasaan undang-undang. Cadangan ini bukanlah satu konsep baharu, malah telah berjaya dilaksanakan oleh agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Pemberian ganjaran seperti wang tunai, potongan cukai atau sistem mata ganjaran melalui aplikasi mudah alih boleh meningkatkan keberanian orang ramai untuk melaporkan pelanggaran undang-undang berkaitan penjualan arak. Gabungan antara pemantauan berteknologi tinggi melalui pemasangan *CCTV* dan galakan masyarakat melalui sistem ganjaran mampu mewujudkan sistem penguatkuasaan yang lebih berkesan. Ia juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada sistem aduan semata-mata serta meringankan beban tugas pihak PBT dalam aspek pengawasan premis berlesen. Akhirnya, kejayaan pelaksanaan kaedah ini sangat bergantung kepada komitmen pihak berkuasa dan kerjasama erat daripada masyarakat, demi menjaga keharmonian, keselamatan dan kesejahteraan negara, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia.

RUJUKAN

Akta/Enakmen

Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992
Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
Akta Kastam 1967 (Akta 235)
Akta Eksais 1976 (Akta 176)
Akta Hiburan (Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)

Kajian Kes

Kes Public Prosecutor Iwn Chew Jing Zhong (2020)
Kes Pemandu Mabuk Rempuh Penghantar Makanan di Lebuhraya Sultan Iskandar (2020)
Kes Penahanan 31 Individu Islam Minum Arak di Pusat Hiburan, Kuala Lumpur (2023)

Artikel/Jurnal/Kertas Kerja/Buku

Aqilah Mior Kamarulbaid. (2021, November 12). *Kita Patut Malu Dengan Singapura*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2021/11/kita-patut-malu-dengan-singapura/>

Astro Awani. (2020). *Garis Panduan Baharu DBKL Mampu Kurangkan Kes Berkaitan Arak—Firdaus Wong*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/garis-panduan-baharu-dbkl-mampu-kurangkan-kes-berkaitan-arak-firdaus-wong-269878>

Astro Awani. (2021). *149 Kes Pemandu Mabuk Didakwa Di Mahkamah Sejak 2021 | Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/149-kes-pemandu-mabuk-didakwa-di-mahkamah-sejak-2021-497344>

Azar Ishak. (2020, May 13). *Taiwan Cadang Hukuman Mati: Ini Hukuman Pemandu Mabuk Di Negara-Negara Lain*. <https://soscili.my/denda-ikut-duit-dalam-bank-ini-hukuman-pemandu-mabuk-di-negara-negara-lain/>

Berita Harian. (2019). *Gubal Akta Khas Larangan Minum Arak Secara Terbuka—PPIM*. Gubal Akta Khas Larangan Minum Arak Secara Terbuka. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/632045/gubal-akta-khas-larangan-minum-arak-secara-terbuka-ppim>

Bestar Malaysia. (2025, April 10). *Malaysia Liquor License Details*. Bestar Malaysia. <https://www.bestar-my.com/post/malaysia-liquor-license-details>

Buletin Mutiara. (2012, January 1). *Realisasikan Gaya Hidup Sihat Di “Pusat Hiburan Keluarga”*. <https://www.Buletinmutiara.Com/>
<https://www.buletinmutiara.com/realisasikan-gaya-hidup-sihat-di-pusat-hiburan-keluarga/>

Dewan Negeri Selangor. (2021). *Undang-Undang Kecil Berkenaan Penjualan Arak*. *Dewan Negeri Selangor*. <https://dewan.selangor.gov.my/question/undang-undang-kecil-berkenaan-penjualan-arak/>

Editor Kiri. (2023). “Arak Tidak Lagi Boleh Dijual Secara Terbuka”—Sanusi. *1Media.My*. <https://www.1media.my/2023/01/arak-tidak-lagi-boleh-dijual-secara.html>

Ezzah Munierah Binti Abdul Razak, Zul-kifli Hussin (2023). "Cabaran PMS: Peranan Suami Dan Kesan Kepada Rumah Tangga". Vol 3(1), 1-14. Retrieved by

- <https://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/66> Farah Aziz. (2018, September 19). Alkohol, Tiada Manfaat untuk Tubuh. *Hello Doktor*. <https://hellodoktor.com/kesihatan-mental/ketagihan/alkohol-tiada-manfaat-untuk-tubuh/>
- Harakahdaily. (2020, May 26). *Sokong Haramkan Jualan Arak Di Kedai Serbaneka*. Harakahdaily. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/05/26/sokong-haramkan-jualan-arak-di-kedai-serbaneka/>
- Hendra Purnama Putra. (2020). *Lagi Kes Nahas Maut Akibat Pemandu Mabuk*. Malay Berujar. <https://malayberujar.blogspot.com/2020/05/lagi-kes-nahas-maut-akibat-pemandu-mabuk.html>
- Izwan. (2023, December 3). *Larangan Jualan Arak: Mengapa Perlu Tarik Semula?* Harakahdaily. <https://harakahdaily.net/index.php/2023/12/03/larangan-jualan-arak-mengapa-perlu-tarik-semula/>
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia. (2014). *Apa itu Duti Eksais?* https://www.customs.gov.my/ms/cp/Pages/cp_eks1.aspx
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia. (2024). Mengenai Eksais. *MyExcise*. <https://myexcise.customs.gov.my/myexcise/mengenai-eksais/>
- Jasri Jamal & Noryati Anuar. (2012). *Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus Di Negeri Selangor Darul Ehsan*. 24(2), 213–239.
- Kumara Sabapatty. (2023, May 27). 31 Individu Beragama Islam Minum Arak Dicekup. *MalaysiaGazette*. <https://malaysiagazette.com/2023/05/27/31-individu-beragama-islam-minum-arak-dicekup/>
- Lauri Beekmann. (2023). *Nordic Alcohol and Drug Policy Network Nordan Norway*. NAPR. <https://www.nordicalcohol.org/norway>
- Lim Yi Han. (2015, April 1). *What You Can or Cannot Do Under the New Alcohol Law*. The Street Time. <https://www.straitstimes.com/singapore/what-you-can-or-cannot-do-under-the-new-alcohol-law?>
- Malaysia Gazette. (2020, November 20). *Larangan Jual Arak: Bantu Kawal Isu Pemabuk*. Instagram. <https://www.instagram.com/malaysiagazette/p/CHzWCUHnBib/>
- Reddit Norway. (2022, March 1). *Drinking Laws in Norway* [Reddit Post]. R/Norway. https://www.reddit.com/r/Norway/comments/t45oj0/drinking_laws_in_norway
- Masjilis Pembandaran Seberang Perai (MPSP). (2023, April 29). *Laman Rasmi Majlis Bandaraya Seberang Perai*. <https://www.mbsp.gov.my/index.php/ms/component/content/article/berita-2014/571pemberian-ganjaran-kepada-pemberi-maklumat-bagi-mencegah-kekotoran>
- Mohd Azlim Zainury. (2019, June 18). *Gesa Kerajaan Haramkan Jualan Arak Secara Terbuka*. SinarHarian. <https://www.sinarharian.com.my/article/33064/edisi/terengganu/gesa-kerajaan-haramkan-jualan-arak-secara-terbuka>
- Mohd Khairuddin Aman Razali. (2015). *Larangan Arak: Malulah Dengan Singapura*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/295196>
- Mohd. Shahid Mohd. Noh. (2024, January 16). *Penjualan Arak: Kesejahteraan Rakyat Atau Manfaat Ekonomi?* Portal Berita. https://berita.rtm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=36951&catid=52&Itemid=1406
- Mohd Shazwan Yusop. (2020, August 12). *Polemik Pemanduan Mabuk*. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2020/08/12/polemik-pemanduan-mabuk/>
- Muhammad Madi Abu Ghara'im. (1992). *Al-Khamr Rijsun Min Amal al-Syaitan*. Dar al-Kitab al-Sufiy.

- Nik Suhaida Nik Abdul Majid. (2023). Pendekatan Dakwah Melalui Undang-Undang: Pengalaman Negeri Kelantan Dalam Pemerkasaan Kawalan Penjualan Arak (Liquor): Approaches of Da'wah Through Law: The Experience of Kelantan State in Strengthening Liquor Sale Control. *Abqari Journal*, 29(1), 84–107. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.535>
- Nik Suhaida Nik Abdul Majid. (2024). Seni Sosiologi Dakwah Dalam Undang-Undang Berkaitan Arak Di Malaysia. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 7(1), 14 – 26.
- Norizan Hassan. (2018, May 7). *Jenis-jenis Temu Bual*. Cikgu Izan. <https://izzgallery.wixsite.com/home/post/jenis-jenis-temu-bual>
- Nur Izzati Mohamad. (2023). *Pemandu Bmw Mabuk Sebabkan Kematian 2 Guru Ditahan*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/12/1041325/pemandu-bmw-mabuk-sebabkan-kematian-2-guru-ditahan>
- Nur Yasmin Binti Mubarrak, Elissanur Suraya Arnaz Yusry, Shahrul Mizan Ismail. (2022). *Larangan Dan Kawalan Penjualan Arak Di Malaysia: Analisis Dari Sudut Undang-Undang Dan Moraliti*. 22.
- Robert B Voas, J. C. (2011). Preventing Impaired Driving Opportunities and Problems. *Alcohol Research and Health*, 34(2):225–235.
- Saranya A/P Ganesan & Rohaida Nordin. (2024). Kajian Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Minuman Keras Di Malaysia: Konflik Antara Hak Individu Dengan Kepentingan Awam. *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 279–306. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.36(2)no6)
- Setiawan Gunardi. (2018). Arak Dan Minuman-Minuman Yang Memabukkan Menurut Pandangan Ulama Empat Mazhab Dan Fatwa. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(2), Article 2. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol6no2.144>
- Sharan B. Merriam. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. John Wiley & Sons.
- Sinar Harian. (2025). *Larangan Penjualan Arak: Pas Selangor Sokong Cadangan Mbi | Astro Awani*. Sinar Harian. <https://www.astroawani.com/berita-politik/larangan-penjualan-arak-pas-selangor-sokong-cadangan-mbi-506155>
- Singapore Police Force. (2015). *Liquor Licence*. Overview of Liquor Licence. <http://www.police.gov.sg/e-Services/Police-Licences/Liquor-Licence>
- Sunnah.Com. (n.d.). *Jami' at-Tirmidhi 1295—The Book on Business—كتاب البيوع عن رسول الله صلى الله عليه وسلم—Sunnah.com—Sayings and Teachings of Prophet Muhammad (ﷺ)*. Retrieved May 14, 2025, from <https://sunnah.com/tirmidhi:1295>
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2024). *45 Penjawat Awam Dinilai Terima Ganjaran Lapor Kes Rasuah*. https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3402&cat=BM
- Syarifah Munirah Binti Tuan A. Rahman (2023). "Pendekatan Modul Spectrum Approach Dalam Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Prasekolah Islam: Satu Kajian Kes Di Kuala Terengganu". Vol 3(1), 56-85. Retrieved by <https://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/issue/view/7>
- Tembusu Law. (2025, March 11). *Legal Drinking Age And Drinking-Related Laws In Singapore*. Tembusu Law. <https://www.tembusulaw.com/insights/legal-drinking-age-singapore/>
- Vinmonopolet (11 March 2025). *Our Sosial Mission*. Retrieved form <https://www.vinmonopolet.no/english/our-social-mission>

- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). (2019, July 16). *Arak: Tidak Boleh Ditempatkan Secara Terbuka - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia*. <https://www.yadim.com.my/v2/arak-tidak-boleh-ditempatkan-secara-terbuka/>
- Zahin Byond. (2024, February 2). Etika Kerja—Bolehkan Majikan Pasang CCTV Di Tempat Kerja? *MySyarikat*. <https://mysyarikat.com/etika-kerja-bolehkan-majikan-pasang-cctv-di-tempat-kerja/>
- Zul-kifli Hussin. (2013). *Tasamuh Dalam Undang-Undang Jenayah Islam: Satu Kajian Terhadap Persepsi Pelajar-Pelajar Bukan Islam Di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Di Malaysia* [Phd, Universiti Sains Malaysia]. <https://eprints.usm.my/44038/>
- مجمع اللغة العربية. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit* (المعجم الوسيط). <http://archive.org/details/al-mujam-al-wasit>